

Pengaruh al-Qur'an

Bukan setakat itu sahaja, malahan mereka yang berpegang dengan ajaran-ajaran agama dan yang menentang larangan-larangan ini adalah dianggap bersalah di sisi undang-undang yang boleh dikenakan hukuman yang sangat berat atau terus dihukum bunuh.

Meskipun undang-undang yang seberat itu dikuatkuasakan namun yang benar tetap benar, ahli-ahli dan tokoh-tokoh falsafah terus maju, mula-mula secara sulit-sulit mereka bergerak, tetapi akhirnya beberapa majlis perbincangan diadakan antara mereka mahupun dengan secara rahsia atau berterang-terangan. Apabla rahsia ini terbongkar oleh pihak berkenaan ramailah yang dibunuh dengan dimasukkan ke dalam api. Dicapikkan ke dalam laut dan disula dengan besi panas.

Ilmu Falsafah Terus Berkembang:

Satu perkara yang menakjubkan — yang sudah menjadi hukum alam — iaitu semakin ramai yang dihukum maka semakin bertambahlah ahli-ahli fikir, jaguh-jaguh penyelidik dan tokoh-tokoh falsafah yang lebih giat mengikuti jejak langkah pemimpin-pemimpin mereka, kerana mereka yakin apa yang dilakukan oleh mereka adalah benar. Di samping itu undang-undang yang dikenakan ke atas mereka ditentang habis-habisan. Oleh kerana ketegangan yang berlaku antara ahli-ahli falsafah dengan pengembang-pengembang Kristian ini semakin memuncak, maka terjadilah suatu pertelingkahan. Pihak Kristian tewas dan berundur lalu mendirikan satu mazhab lain (baharu) iaitu mazhab protestan yang mempunyai beberapa kelonggaran serta kemudahan-kemudahan yang tertentu.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa pertentangan kedua pihak ini adalah merupakan peristiwa tempatan sahaja, tetapi sebenarnya tragedi ini mempunyai hubungan yang erat dengan kemajuan hidup manusia yang pernah disebut di dalam al-Qur'an al-Karim. Orang-orang Islam sebenarnya telah bertemu di sebelah barat Eropah sejak akhir-akhir kurun yang kedelapan Masihi iaitu bersempena dengan pembukaan tentera-tentera Islam di negeri Andalus (Sepanyol). Di sana orang-orang Islam telah mendirikan beberapa gedung ilmu pengetahuan, pusat penyelidikan untuk meluaskan ilmu-ilmu mereka yang selama ini terkongkong. Terutama untuk mengkaji rahsia-rahsia dan kandungan-kandungan yang terdapat di dalam al-Qur'an. Lama-kelamaan berkembanglah ilmu pengetahuan ini dalam semua jurusannya hingga tertubuhlah beberapa buah universiti di bandar Qurtubah, ramai pelajar-pelajarnya terdiri daripada orang-orang Barat. Mereka mempelajari pelajaran-pelajaran yang tidak diajarkan di negeri-negeri mereka dan mengikut kebudayaan serta cara-cara pemikiran bebas yang ditunjukkan oleh orang-orang Islam yang menjadi asas kemajuan di masa depan.

Setelah kembali ke tanah air mereka terus mengembangkan pendapat-pendapat yang bebas dengan semangat-semangat yang baharu. Dasar mereka diterima dengan baik hingga bertukarlah suasana negara itu daripada kemunduran menjadi maju dalam serba-serbinya. Oleh kerana keinginannya untuk mendalami pengetahuan-pengetahuan mereka terus mempelajarinya lebih lanjut lagi dari satu masa ke satu masa.

Ajaran-ajaran Islam Berkembang Di Eropah:

Menurut sejarah orang-orang Eropah bahawa kemasukan ajaran-ajaran Islam ke negara

mereka adalah melalui negeri Sepanyol dan Itali yang memang sudah terkenal sebagai pusat pengajian tinggi. Ramai pembesar-pembesar Eropah sendiri mengakui bahawa segala perubahan cara berfikir orang-orang barat dan naiknya darjah kehidupan mereka di abad-abad sekarang ini adalah berpunca dari masuknya agama Islam ke negeri tersebut. Segala ajaran-ajaran dan hikmah-hikmah yang diamalkan oleh pemeluk-pemeluknya yang berpandukan al-Qur'an benar-benar dapat mempengaruhi jiwa mereka di dalam pembentukan satu masyarakat baru yang lebih progresif dan dinamik serta sesuai dengan sebilang masa dan tempat. Kalau ada tuduhan-tuduhan yang mengatakan Islam tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan undang-undang di dunia atau dengan tabiat semula jadi manusia, maka tuduhan tersebut adalah salah, dan sebaliknya orang yang menuduh itulah yang tidak mahu mematuhi ajaran-ajaran agamanya, kerana Islam adalah sebagai agama yang sudah lengkap, konsep-konsepnya boleh menjamin manusia hidup berbahagia di dunia dan akhirat; asas-asasnya adalah tidak sedikit pun berlawanan dengan kehendak sifat semula jadi banī insan itu sendiri.

Kitab suci al-Qur'an diturunkan ke dunia di saat manusia sedang berada dalam kesesatan yang amat dahsyat, kezaliman yang melewati batas yang miskin menghambakan dirinya kepada yang kaya. Yang kuat menindas yang lemah, mereka melupakan Tuhan yang sebenar lalu menyembah patung-patung berhala yang menjadi ikutan datuk neneknya sejak beberapa zaman. Maka tujuan penting al-Qur'an diturunkan kepada mereka dengan melalui Rasul junjungan Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi*

Pengaruh al-Qur'an

wa sallam ialah untuk mengubah sistem kehidupan dan suasana yang buruk ini, serta menunjuk mereka ke arah jalan yang lebih selamat, memberi rahmat kepada yang teraniayai, melepaskan mereka dari terkutuk, serta memberitahu mereka bahawa bumi Tuhan luas, mereka boleh bergerak dan berfikir secara bebas tanpa gangguan dari mana-mana pihak selagi tidak melanggar undang-undang yang berlawanan dengan tabiat sendiri, undang-undang negara dan luno-luno agama mereka.

Islam Agama Dunia Akhirat:

Kalau diselidiki dengan mendalam terdapat bahawa ajaran-ajaran Islam adalah membenci adanya kezaliman dan penindasan di kalangan manusia. Kerana itu dalam perundangannya banyak terdapat Islam sangat-sangat menitikberatkan soal keadilan dan persamaan hak. Ia juga memberi peluang yang luas untuk mereka berani bergerak dan bertindak dengan menggunakan siasahnya yang sihat, di samping melarang orang yang lain melakukan pencerobohan atau kekacauan yang boleh mengganggu ketenteraman mereka. Dengan demikian segala perbuatan yang dikerjakan oleh manusia sama ada yang baik atau buruk adalah terserah kepada mereka sepenuhnya. Untuk kemewahan hidup di dunia mereka digalakkan bekerja mencari sumber kekayaan yang ada muka bumi, yang terkandung di dalam perutnya atau yang tersembunyi di dasar lautan, semuanya ini dijadikan halal untuk kegunaan mereka, terpulanglah kepada kepintaran dan ketekunan seseorang untuk mendapatkannya — yang berusaha tetap

berjasa dan yang menganggap pendapatan yang secukupnya tidak boleh menjadi segantang maka tetaplah ia di jurang kemundurannya, ini berlawanan dengan dasar Islam yang mana ianya mahu menjadikan semua lapisan pemeluk-pemeluknya kuat dalam segala segi di lapangan hidup.

Sementara untuk kesejahteraan di Hari Kiamat pula umat Islam disuruh mematuhi ajaran-Nya dan menjauhkan larangan-larangan-Nya, digesa supaya beramal ibadah terhadap yang Maha Esa dengan khusyuk dan bertakwa, kerana, di hari pembalasan itu nanti tidak ada seorang pun yang dapat memberi pertolongan dan perlindungan daripada azab sengsara atau hukuman yang akan diterima bahkan hanya amalan yang dilakukan semasa di dunialah yang menentukan sama ada ia akan berbahagia iaitu sebagai ganjaran yang dibuat di dunia atau akan terseksa di neraka sebagai dosanya yang terlaknat itu. Di dalam al-Qur'an banyak terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa manusia tidak dapat menolong orang lain di akhirat. Firman Tuhan: *Wa an laysa li al-insāni illā mā sa'ā* ertinya: "Dan tidak adalah bagi manusia itu melainkan apa yang telah diusahakannya". Dan firman-Nya lagi: *Yawma yafirru al-mar'u min akhīhi wa ummihī wa abihī* yang bererti: "Pada hari ini (akhirat) seseorang itu lari daripada saudaranya, ibunya dan bapanya." Dan banyak lagilah dalil-dalil yang menunjukkan bahawa amalannya sahajalah yang dapat menolongnya di hari akhirat nanti.

Agama ialah Akal:

Manusia apabila faham bahawa tidak ada sesuatu pertolongan pun daripada orang lain untuk melepaskan kesusahannya terutama di Hari Kiamat nanti maka

tidak syak lagi ia akan menggunakan akal fikirannya yang dikurniakan Tuhan untuk berikhtiar mengatasi dugaan atau bala yang akan menyimpannya, selaras dengan inilah Islam yang progresif ini sangat-sangat menggalakkan umat Islam merenung masa depan, mereka berusaha dengan tekun untuk kebahagiaan di hari hidup dan mati, jangan menjadi umat Islam yang beku dan mundur di belakang, tetapi berjuanglah demi kepentingan dan kemuliaan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan bangsa.

Di antara ayat-ayat al-Qur'an yang menyuruh kita berfikir ialah firman Tuhan: *"Afalā ta'qilūn"* yang bererti: "Adakah kamu tidak berfikir?", dan sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam: Lā dīna liman lā 'aqla lah, wa lā imāna liman lā amānata lah*, ertinya: "Tidak ada agama orang yang tidak berakal dan tidak beriman mereka yang tidak amanah."

Dengan berpandukan nas-nas ini maka sudah semestinya umat Islam mengubah sikap dan cara hidup terutama kita sebagai generasi yang lahir di abad yang kedua puluh di mana manusia hidup dalam serba *modern* dan serba maju mesti menghalakan cita-cita ke arah yang lebih maju istimewa dalam segi-segi pelajaran sains, teknologi, ekonomi, siasah dan lain-lainnya. Semoga dengan semangat yang kuat kita dapat menebus kelemahan kita di masa-masa yang lampau di samping mencapai masa depan kita yang lebih cemerlang dengan berpandukan dasar-dasar al-Qur'an yang memang menitikberatkan perpaduan dan keadilan di kalangan umat seluruhnya.

Tinjauan Ekonomi:

Sistem Ekonomi Sosialisme

Kajian mengenai ekonomi dengan secara *detail* dan mendalam ialah bermula pada kurun Masihi (16).

Adapun sebelum daripada itu belum ada usaha-usaha yang cuba mengupas tentang masalah ekonomi ini, cuma kalau ada pun hanyalah kajian sambil lalu sahaja yang dibicarakan oleh setengah-setengah ahli falsafah dan penulis-penulis dalam pembicaraan mereka mengenai akhlak, agama, agama, falsafah dan sebagainya.

(Oleh: Miza Lutfi — Nilam Puri)

Pandangan Ahli Falsafah:

Aflāṭūn umpamanya, beliau mula memperlihatkan gejala-gejala atau pandangannya mengenai ekonomi dalam bukunya “Republic” beliau berpendapat bahawa: Sistem permilikan hak perseorangan atau hak kekeluargaan patut dihapuskan supaya dapat dijadikan hak milik negara mungkin beliau orang yang pertama berfahaman Komunis, iaitu lebih awal dari Karl Marx.

Demikian juga Aristotle pernah membentangkan pendapatnya mengenai ekonomi dalam bukunya ‘Law & Statemen’ beliau menentang dasar berhutang yang dikenakan bunga atau faedah (riba). Aristotle berpendapat bahawa: “Wang tak mungkin dapat memperanakkan wang”.

Pecahan Sistem Ekonomi:

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa sistem ekonomi memang banyak dan berpecah-pecah kepada beberapa bahagian, di antaranya ialah-ialah ekonomi kapitalisme, liberalisme, sosialisme, fasisme dan berbagai-bagai lagi mengikut keadaan dan tempat yang sering berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Di ruangan ini biarlah kita

membicarakan tentang sistem ekonomi sosialisme dan pecahan-pecahannya, dan marilah kita padankan manakah satu sistem ekonomi sosialisme yang paling baik sekali dari pecahan-pecahannya itu. Sama ada sosialisme Islam yang baik, atau sosialisme lain yang paling baik, sempurna dan teratur. Mula-mula marilah kita ambil:

1. Ekonomi Sosialisme

Karl Marx:

Timbullah sistem ekonomi dengan bentuk umum ialah pada kurun Masihi (16) sebagaimana yang saya katakan tadi, iaitu hasil dari perbincangan setengah-setengah ahli falsafah dan penulis yang progresif pada masa itu. Tetapi perbincangan itu tidak menepati dengan keadaan dan tempat, setengah-setengahnya adalah lebih berat merupakan gambaran atas bentuk khayali yang tidak menepati dengan praktikal dan kenyataan.

Karl Marx dikira orang yang pertama yang meletakkan sistem ekonomi sosialisme di atas sifat ilmiah yang lebih hampir kepada

hakikat dan kenyataan, iaitu pada akhir kurun (19).

Adapun sistem ekonomi sosialisme Karl Marx berbeza dari sosialisme lain, kerana Karl Marx yakin bahawa akan wujud pertelingkahan di antara golongan-golongan dalam masyarakat. Ia percaya akan berlaku perbalahan di antara pihak pemodal (majikan) dengan kaum-kaum buruh. Di mana golongan yang pertama (kaum pemodal) merupakan manusia-manusia kapitalis yang kecil bilangannya, tetapi mempunyai kekayaan yang tiada terbatas. Sedangkan golongan yang kedua (kaum buruh) kaum yang sangat ramai dan meliputi semua rakyat biasa, rakyat yang miskin dan hidup menderita. Marx percaya tidak akan timbul golongan yang ketiga (kaum pertengahan) selain daripada dua golongan yang tersebut.

Seterusnya Marx berpendapat lagi bahawa: Sebab berlaku perbalahan di antara kaum pemodal (kapitalis) dengan kaum buruh ialah kerana kaum-kaum buruh tidak dapat layanan yang saksama dari pihak pemodal. Upahan pekerja tidak seimbang dengan kerja-kerja yang mereka laksanakan. Dan harga sesuatu barang

Sistem Ekonomi...

patut dibayar dengan harga yang dibelanjakan untuk menghasilkan barang yang tersebut.

Marx percaya, pekerja-pekerja mendapat upahan yang sedikit, sedangkan kaum pemodal mendapat keuntungan yang besar, di mana dari keuntungan itu kaum pemodal dapat membuka perusahaan-perusahaan baru untuk menambahkan kekayaan yang berlipat ganda kepada mereka dengan menggunakan tenaga-tenaga buruh yang miskin dan menderita. Dari gejala-gejala yang tersebut akan menimbulkan rusuhan-rusuhan dan kegentingan ekonomi yang tiada terkawal. Di mana di satu pihak sentiasa menambahkan kekayaan dan pendapatan, sedangkan di pihak yang lain pula bertambah-tambah miskin dan terhimpit. Akhirnya dari keadaan ini akan membawa kepada pemberontakan yang ditimbulkan oleh kaum-kaum buruh dan rakyat marhaen kerana perasaan tidak puas hati mereka terhadap kaum-kaum pemodal dan pihak majikan.

Karl Marx berpendapat bahawa untuk mengatasi hal-hal yang tersebut ialah dengan membentuk satu masyarakat yang benar-benar mengamalkan dasar sosialisme yang menghapuskan hak-hak perseorangan dan sistem yang mengagung-agungkan hak ketuanan seorang dan dijadikan hak milik negara.

2. Ekonomi Sosialisme

Ala Masihi:

Sistem ekonomi sosialisme yang berdasarkan kepada keagamaan Masihi adalah menitikberatkan kepada menyeru orang ramai dan perkumpulan-perkumpulan manusia supaya menghargai dan

menghormati nilai-nilai akhlak yang mulia dan tinggi. Menggalakkan orang ramai supaya membina satu masyarakat yang adil dan makmur. Sebagaimana sistem ini juga mengasaskan bentuk ekonomi di atas sikap berpada-pada yang dikelolakan oleh keluarga atau *family*. Atau diperserahkan langsung kepada pihak perkilangan dan majikan untuk menguruskan soal-soal ekonomi.

Dengan lain-lain perkataan bahawa sosialisme yang berdasarkan kepada keagamaan Masihi ini adalah mementingkan soal-soal rohani. Soal menghubungkan diri kepada Tuhan. Atau mempereratkan perhubungan di antara *ta'abbudiyah* dengan *rubūbiyyah* sahaja.

Sedangkan hal-hal lain, seperti soal jasmani dan kebendaan, adalah menjadi tempat yang kedua, yang tak perlu diperhitungkan sangat. Kerja-kerja tidak sebegitu digalakkan kerana untuk beribadah dan meabdikan diri kepada Tuhan.

Ideal yang utama yang diagungkan oleh sistem ekonomi sosialisme ala Masihi ini ialah tidak mengambil sebarang faedah atau keuntungan yang diperdapat daripada perniagaan. Keuntungan yang didapati dari perniagaan adalah dianggap bunga atau riba yang tak harus diambil atau diterima, harga barang dan upahan hanya mengikut harga biasa sahaja — tidak boleh diambil lebih daripada itu walaupun sekadar untuk mendapat sedikit keuntungan — malah pasti diterima dengan kadar biasa dengan kedua-dua belah tangan yang terbuka. Kalau tidak demikian, dianggap melanggar undang-undang Tuhan dan undang-undang kelaziman manusia.

Ekonomi sosialisme ala Masihi itu benar-benar terpengaruh kepada pendapat Aristotle yang tidak menyetujui tentang sistem harta yang berdasarkan kepada bunga (riba), sebagaimana kata beliau dalam bukunya: "Law and stateman" bahawa "Wang tak mungkin dapat memperanakan wang" seperti yang saya telah sebutkan di atas tadi.

Fikiran ini telah timbul pada kurun-kurun pertengahan. Tetapi telah dikritik oleh setengah-setengah penulis yang terdiri dari ahli-ahli ilmu masyarakat seperti "Shane Simone" yang mempercayai bahawa semua syariat yang diutuskan oleh Tuhan dari langit ialah untuk kebaikan dan kebahagiaan manusia. Dan syariat itu mengakui hak-hak milik perseorangan, kebebasan, persamaan taraf dan peluang bagi tiap-tiap manusia.

3. Ekonomi Sosialisme Fabian:

Tujuan utama ekonomi sosialisme Fabian (Fabian Socialism) ialah untuk mengembalikan atau membina satu masyarakat yang berlatar belakang kepada akhlak-akhlak yang mulia dan terpuji, contoh-contoh tauladan yang baik. Sesuai dengan cita-cita murni dan keperibadian manusia. Dan supaya manusia dapat hidup di dalam keadaan berkasih sayang dan persaudaraan di antara satu sama lain. Mula-mula timbulnya sosialisme Fabian ini ialah pada tahun 1883 dipimpin oleh beberapa orang seperti: William Morris, Sidney Webb, Shaw, Graham, Alas¹, Sydney Olivier, Edward Vis Weland, William Clark, dan bertambah rancak lagi sosialisme ini berkembang bila

¹ Perkataan sebenar ialah Graham Wallas.

Sistem Ekonomi...

berlaku kepincangan dan kemerosotan ekonomi di London pada tahun 1889, ketika mana di kala itu berlaku rusuhan-rusuhan ekonomi, bangkangan-bangkangan, dan pemuluan terhadap sistem ekonomi kapitalis.

Tujuan utama Fabi mengasaskan teori ini ialah untuk meletakkan sistem sosialisme di atas dasar bertolak ansur supaya dapat diterima oleh masyarakat dengan bentuk hakikat dan kenyataan.

Sosialisme Fabian berlainan sekali dengan sosialisme Marxisme, kerana sosialisme Fabian meletakkan asas-asas ekonomi di atas sikap berpada-pada, memberi maklumat-maklumat, pencerangan-pencerangan, dan kemajuan praktikal yang amali.

Pendukung-pendukung sosialisme ini berpendapat bahawa: Sebarang hak-hak milik yang hilang atau yang dirampas patut diberi ganti rugi, dan mereka tidak berkeyakinan kepada sistem ekonomi yang bergantung kepada barang-barang pengeluaran. Oleh yang demikian maka pada tahun 1886 timbullah pakar-pakar dalam sistem ini untuk menyebarkan seruan sosialisme ini dan untuk menarik pandangan umum terhadap sosialisme yang mereka pelopori.

Banyak pendapat-pendapat yang dibentangkan oleh mereka seperti Kria (Olivieh) mengenai: "Asas-asas akhlak dalam sosialisme" buah pena (Annie Besant) tentang: "Perkilangan Dalam Kaca Mata Sosialisme" dan hasil-hasil tulisan (Hubert

Bland) dan (Sidney Webb) penjelasan mengenai: Fikiran Fabi yang tidak mengikut kepada mana-mana fahaman dari kumpulan atau puak — malah fikirannya adalah dibentuk di atas asas-asas apa yang difikirkan layak dan munasabah untuk faedah dan kebaikan orang ramai. Sungguhpun begitu namun kita dapati banyak mereka itu mengambil dari teori-teori (Ricardo) dan (Jeff Wenz), dan tidak ketinggalan juga dari ilham Marx sendiri. Seperti masalah harga keuntungan atau laba yang didapati dari perniagaan. Sekalipun mereka itu kurang bersetuju dengan telahan Marx yang mengatakan bahawa: Secepat mungkin peraturan feudalis dan golongan kapitalis akan hapus, tingkatan dan lapisan masyarakat akan lenyap. Sebaliknya mereka itu percaya bahawa faktor-faktor ini akan berubah dan hapus dengan cara yang beransur-ansur, bilamana melalui proses-proses yang berikut:

1. Apabila rakyat menerima sistem demokrasi.
2. Dasar beransur-ansur tanpa paksaan di dalam menjalankan satu-satu hal.
3. Tidak retentangan² dengan akhlak dan
4. Perlembagaan yang benar-benar menjamin keselamatan dari sebarang tekanan dan penindasan.

Pandangan-pandangan ini belum pernah dikemukakan orang-orang Fabian yang dahulu, malah ahli-ahli Fabian yang kemudian ini cuba meluaskan daerah-daerah dan lingkungan-lingkungan sistem sosialisme ini. Dan mereka yakin bahawa untuk

mengadakan sebuah kerajaan demokrasi ialah dengan jalan pencalonan yang dilantik oleh orang ramai.

"G.D.H. Cole" salah seorang dari jaguh sosialisme Fabian berpendapat lebih jauh dari apa yang dikemukakan oleh kebanyakan ahli-ahli sosialisme Fabian yang lain. Mengikut pendapat beliau: "Kemajuan sistem ekonomi sosialisme tidak termestinya di atas asas-asas kekuatan. Bahkan adalah bergantung kepada kepercayaan yang positif dan akhlak-akhlak yang dinamis yang dapat membentuk keadilan masyarakat yang sebenar."

Sosialisme ini kurang teliti dalam memainkan peranannya untuk membentuk satu masyarakat sosialisme yang benar-benar bersesuaian dengan keadaan di negeri British, walaupun ia berbeza dengan sosialisme Marx yang bulat-bulat memusatkan sesuatu tanggungjawab dan usaha dnegan paksa dan kekerasan, tanpa kebebasan dan sebagainya.

Sosialisme Fabian dapat membentuk satu pertubuhan pekerja (*trade union*) untuk mengurus soal-soal pekerja bila menghadapi satu-satu hal yang bersangkutan paut dengan mereka. Di samping itu mereka berpendapat bahawa sistem demokrasi akan terlaksana bila ada faktor-faktor yang berikut:

1. Sekatan-sekatan dan penentuan yang sederhana terhadap upahan.
2. Pengawasan ke atas hak-hak demokrasi dan-dan perkilangan benar-benar terjamin.
3. Gerakan yang tegas terhadap sumber kewangan (ekonomi).

² Perkataan sebenar ialah bertentangan.

Sistem Ekonomi...

4. Membelanja perbendaharaan atau harta-harta negara untuk kebajikan dan kemaslahatan orang ramai.

Asas Yang Pertama:

Ialah bertujuan untuk menentukan kadar-kadar upahan sesuatu kerja, lama masa bekerja, memberi layanan yang baik ketika sihat dan sakit, jaminan masa tua apabila tidak kuasa bekerja, mengadakan rumah-rumah kediaman, mengambil berat tentang soal pelajaran, perkhidmatan awam, dan menghapuskan pengangguran.

Asas Yang Kedua:

Memberi hak mengundi atau pencalonan dalam memilih calon bagi orang yang telah sampai umur (dewasa). Menjadikan tanah-tanah untuk dimiliki orang ramai, memperbanyakkan bahan-bahan pengeluaran dan hasil bumi, membina perhubungan jalan raya, jalan keretapi, perkhidmatan letrik, mengadakan syarikat-syarikat taman hiburan, membahagikan bahan-bahan pembakaran (arang batu) dan sebagainya.

Sementara Asas Yang Ketiga:

Ialah menyamaratakan cukai-cukai, hasil-hasil tanah, rumah-rumah di kalangan rakyat lebih-lebih lagi harta pusaka dan lain, supaya mereka itu sama-sama merasa berkorban dan bertanggungjawab terhadap negara.

Dan Asas Yang Keempat:

Ialah untuk bekerjasama, tumpang menumpang dan tolong-menolong di antara satu sama lain, semoga dengan itu dapat menanam semangat persefahaman berdasarkan kepada perasaan sama rata

yang dapat menghapuskan sistem yang yang berkelas-kelas atau yang berkasta-kasta di kalangan rakyat jelata.

Kemajuan sistem ekonomi sosialisme Fabian ini telah berakhir dalam tahun 1925, dalam mana pergerakan parti-parti politik di masa itu mirip ke arah penyatuan. Dengan itu maka tamatlah dorongan yang menyokong persatuan pekerja (*trade union*) buat sementara dan pengaruhnya telah berkurangan dalam satu masa jangka yang singkat, sehingga pada tahun 1941 sistem sosialisme ini lahir kembali dari ilham setengah-setengah ahli ekonomi Oxford seperti (Cole) dan setengah dari ahli pemikiran bebas yang lain. 'Cole' telah berjaya membentuk satu strategi baru setelah mengadakan satu perjumpaan dengan "Laskey" — salah seorang dari ahli ekonomi Inggeris — pada bulan September tahun 1958 untuk tujuan yang tersebut.

Setengah dari ideal yang menjadi pegangan kepada sistem ini ialah tentang asas-asas praktiknya telah diaturkan dengan cara yang tegas sekali, dan banyak dari dasar-dasar Marxism telah dipinda dan diubah. Mereka cuba menghapuskan keladak-keladak kemiskinan di kalangan rakyat jelata. Di samping itu mereka berusaha untuk membangun sebuah masyarakat yang benar-benar adil dan makmur.

Di majalah Qalam bilangan yang akan datang makalah ini akan disambung dengan menghuraikan dua jenis ekonomi sosialisme yang berbentuk *co-operative socialism* dan *Islamic socialism*. —
Pengarang.

*

* *

sudah siap!

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah I

RUPA YANG BUROK

*Di-padankan dari che-
rita2 Sejarah Islam.*

*Didek-lah jiwa kanak2
dengan menggalakkan
membacha buku2 se-
jarah ringkas Islam.*

*Di-jalin dengan baha-
sa yang mudah dan le-
kas di-fahami oleh
kanak2. Serta di-hiasi
dengan gambar2 lukisan
yang menarik.*

Sa-buah 40 sen.

Pos 10 sen.

—————
Pesan-lah kapada:

QALAM

8247 Jalan 225

Petaling Jaya,

Selangor

* *

*

Suara dari Tanah Suci:

Khusbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khīyāt

Imam Besar Masjidil Haram

Al-hamduli 'Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāhibu alfaḍlu wa al-an'ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muḥammadā 'abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam 'ala 'abdika warasūlika Muḥammad, wa 'ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba'du fayā 'ibād Allāh ittaqū Allāh!

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah, takutilah kamu akan Allah!

Pokok kepercayaan akidah Islamiah yang menjadi dasar utama seseorang manusia itu diakui sebagai seorang Muslim ialah “akidah tauhid”. Tanpa “akidah tauhid” akan lunturlah segala akidah yang lain, lantaran “akidah tauhid” itu adalah sebagai tiang suri kepada agama Islam, tiang suri yang wajib ditegakkan oleh setiap kaum Muslimin dengan perantaraan “*taṣdīq*” di hati dan “*iqrār*” di lidah disertakan dengan “amal” anggota. Setiap umat Islam yang benar-benar ingin menegakkan “akidah tauhid” supaya meresap masuk ke segenap jiwa dan hati nuraninya, ia haruslah berani menghadapi pengorbanan-pengorbanan yang besar dalam perjuangan menegakkan ‘akidah tauhid’ itu di kalangan masyarakat umat manusia seluruhnya. Ia adalah salah satu cabang jihad yang utama dalam Islam.

Berjihad menyebarkan “akidah tauhid”, mengesakan Allah *Subḥānahu*

wa Ta'ālā di kalangan umat manusia adalah menjadi suatu kewajipan bagi seluruh penganut-penganut agama Islam dengan secara umum. Orang-orang Islam yang berjihad memperkembangkan “akidah tauhid” ini telah dijanjikan Allah kepada mereka akan diberikan pertunjuk dan hidayah serta mendapat pimpinan yang sempurna, selagi tugas jihad ke arah ini dilakukan dengan perasaan hati yang jujur ikhlas, semata-mata kerana Allah dan tidak mengharapkan sesuatu dari orang-orang yang diseru dan selagi perjuangannya itu tidak menyeleweng dari dasar-dasar tauhid yang sebenarnya. Ini memang telah ditegaskan Allah di dalam al-Qur’ān *sūrat* al-‘Ankabūt ayat (69):

“*Wa alladhīna jāhadū fīnā lanahdīyannahum subulānā, wa inna Allāha la ma‘a al-muḥsinīn.*”

Ertinya: “Mereka yang sungguh-sungguh berjihad untuk menegakkan hak-hak Kami, nescaya mereka akan Kami beri pertunjuk buat melalui jalan-jalan Kami; sesungguhnya Allah

beserta dengan orang-orang yang berbuat kebajikan.”

Adapun perjuangan-perjuangan yang dilakukan bagi menegakkan sesuatu “akidah” yang bertentangan dengan dasar-dasar atau konsep-konsep “akidah Islamiah” yang pokoknya dari dasar pertunjuk Allah, atau terkeluar dari konsep pengajaran yang dibawa oleh Rasulullah, maka natijahnya hanya mendapat tempelak dicap sebagai orang yang tidak beriman. Sebagaimana sabdanya yang berbunyi:

Lāyu'mīnu ahakukum ḥadī yakānu ḥawālu tab'an li mā ji'tu bih.

Ertinya: “Tidak beriman salah seorang dari kamu, sehingga kemahuan nafsu kamu tunduk mengikuti segala apa (pengajaran-pengajaran) yang didatangkan kepada kamu.”

Sidang Jumaat yang mulia:

Setiap orang Islam mestilah berani menentang segala corak penyelewengan “akidah tauhid” dari dasarnya yang sebenar, sekalipun masyarakat di sekelilingnya terpengaruh